

*Tarikh Dibaca: 17 Jun 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“RAMADHAN; APAKAH PESTA JUADAH  
ATAU IBADAH”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## **SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS**
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor**
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS**





## “RAMADHAN; APAKAH PESTA JUADAH ATAU IBADAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ ... كُلُّوْا وَاشْرَبُوْا مِنْ رِزْقِ اللّٰهِ وَلَا  
تَعْتَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

<sup>1</sup> Surah al-Baqarah ayat 60.



## Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah secara istiqamah dengan melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Menyeru kepada perkara-perkara yang membawa kebaikan dan mencegah segala bentuk kemungkaran. Semoga dengan meningkatnya keimanan dan ketaqwaan itu, akan menjadi nilai tambah kepada diri kita untuk menjadi mukmin sejati.

Bersempena bulan Ramadhan ini, Mimbar Jumaat ingin mengajak muslimin semua untuk menghayati khutbah bertajuk "**RAMADHAN; APAKAH PESTA JUADAH ATAU IBADAH?**".

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kedatangan Ramadhan dinanti dan disambut dengan penuh keinsafan untuk mencari segala macam ganjaran pahala yang dijanjikan khusus oleh Allah SWT sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ يُضَاعَفُ الْحَسَنَةُ عَشْرُ  
أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ، قَالَ اللَّهُ عَزَّ  
وَجَلَّ: "إِلَّا الصَّوْمَ فَإِنَّهُ لِي، وَأَنَا أُجْزِي بِهِ.

*"Setiap amalan anak Adam, pahalanya akan digandakan sepuluh kali ganda sehinggalah tujuh ratus kali ganda. Allah berkata: kecuali puasa. Sesungguhnya ia milik Aku. Aku lah yang akan membahagi-bahagikan ganjaran pahalanya".*



(Muslim).

Bagi sesetengah masyarakat, kedatangan Ramadhan sebagai peluang keemasan untuk menambah pendapatan sampingan dengan membuka gerai jualan juadah berbuka puasa. Disamping itu terdapat pelbagai iklan dan promosi menawarkan pakej berbuka puasa di merata-rata tempat termasuk hotel-hotel serta restoran-restoran mewah.

Apakah matlamat kita? Adakan kedatangan Ramadhan disambut sebagai pesta juadah atau ibadah?

### **Muslimin sekalian,**

Kita sedia maklum, sesungguhnya Ramadhan sebagai bulan mendidik jiwa. Kita perlu meningkatkan kesabaran dalam mengurus dan mengawal nafsu daripada perkara-perkara yang merosakkan pahala puasa sama ada melalui percakapan dan perbuatan seperti mengumpat, memfitnah, adu domba, bergaduh dan sebagainya.

Sebuah hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA berkata Nabi SAW bersabda bahawa Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*"Apabila seseorang kamu berpuasa, janganlah ia bercakap perkara-perkara yang kotor dan sia-sia, dilarang juga bertengkar dan memaki hamun. Apabila ia dimaki hamun oleh seseorang atau diajak bermusuhan, maka hendaklah ia berkata: sesungguhnya aku berpuasa hari ini"*

(al-Bukhari dan Muslim).

Termasuk dalam konteks mengawal nafsu ialah ketika membeli juadah berbuka di Bazar Ramadhan, yang dinanti-nantikan oleh segenap lapisan masyarakat. Pastinya pelbagai jenis juadah makanan dan minuman boleh diperolehi sepanjang bulan Ramadhan ini. Justeru, mimbar ingin menasihati



para Jemaah sekalian agar bersederhana dan berpada-padalah ketika berbelanja membeli juadah berbuka puasa supaya wang lebihan dapat diperuntukkan kepada golongan yang memerlukan pula.

Masyarakat juga diingatkan agar tidak menjadikan bazar Ramadhan sebagai pesta makanan dan medan untuk membalas dendam seharian menahan lapar dan dahaga. Kita sepatutnya meletakkan nilai dan hikmah puasa itu lebih tinggi berbanding nafsu makan yang tidak pernah puas. Janganlah akhirnya nanti bazar Ramadhan menjadi bazir Ramadhan yang menyebabkan kita tewas dalam perjuangan melawan hawa nafsu semasa berbuka puasa.

Kerisauan kita ini dibuktikan oleh beberapa fakta yang dinyatakan oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal, yang merekodkan sebanyak 15,000 tan sisa makanan dibuang setiap hari sepanjang 2015. Jumlah tersebut boleh memberi makan kepada 11 juta orang untuk 3 kali hidangan sehari. Paling mendukacitakan, jumlah sisa makanan akan meningkat sehingga 15% pada musim perayaan termasuk bulan Ramadhan.

Sumber yang sama memaklumkan bahawa sebanyak 1/3 daripada makanan dibazirkan semasa proses penyediaan, pengeluaran dan penggunaan. Kajian mendapati, satu rumah yang dihuni oleh 5 orang membelanjakan secara purata RM1,100 sebulan untuk makanan sahaja. Sekiranya diambilkira 1/3 daripada makanan dibazirkan semasa proses tersebut, maka nilai makanan sebanyak RM360 dibuang ke dalam tong sampah setiap bulan. Adakah ini cerminan akhlak bagi seorang muslim?

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**



Amalan membazir amat ditegah oleh Islam. Sudah pasti kita tidak mahu tergolong sebagai saudara Syaitan sepertimana yang dinyatakan dalam Firman Allah swt dalam surah al Israa' ayat 27;

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ <sup>ص</sup> وَكَانَ الشَّيْطَانُ  
لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya".

Tuntutan bersederhana ketika mengambil makanan telah dijelaskan menerusi firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 31;

...وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ  
الْمُسْرِفِينَ ﴿٣١﴾

"...dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas".

Hadis yang diriwayatkan oleh Miqdam bin Ma'di Karib bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Anak Adam itu tidak memenuhi suatu bekas yang lebih buruk daripada perutnya. Cukuplah bagi anak Adam itu beberapa suap yang dapat meluruskan tulang belakangnya (memberikan kekuatan kepadanya).



*Sekiranya tidak dapat, maka satu pertiga untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga untuk pernafasan".*

*(at-Tirmizi).*

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Sumber daripada portal Kementerian Kesihatan Malaysia menasihatkan supaya masyarakat tidak makan secara berlebihan ketika berbuka. Ini kerana selepas seharian berpuasa, aktiviti gastrik di dalam perut akan menurun pada tahap minimum dan meningkat ketika berbuka. Sekiranya kita makan dengan banyak, peningkatan asid akan berlaku dengan mendadak.

Keadaan ini boleh mengakibatkan ketidakselesaan dan menjejaskan kesihatan. Akibat kekenyangan, badan akan menjadi lesu, lantas mengundang rasa malas sehingga menguzurkan diri untuk beribadah di malam hari. Jika begitu setiap hari, bagaimana kita hendak merebut ganjaran dibulan Ramadhan?

Marilah kita mencontohi panduan berbuka puasa oleh Rasulullah SAW dengan makanan yang mudah dimakan dan dicerna.

Hadis dari Anas Bin Malik RA menceritakan tentang amalan Rasulullah SAW ketika berbuka puasa yang bermaksud:

*"Rasulullah SAW berbuka sebelum melakukan solat dengan rutab (kurma yang masih basah dan segar), dan jika tidak menemukan rutab, Baginda berbuka dengan kurma, dan jika tidak mendapat kurma, Baginda berbuka dengan meminum beberapa teguk air".*

*(Abu Daud dan al-Tirmizi).*

Dalam sebuah hadis yang lain, baginda SAW menjelaskan dengan maksudnya:





*"Apabila dihidangkan makanan maka mulailah dengannya (makanan itu) sebelum kamu solat Maghrib dan janganlah kamu tergopoh-gapah ketika makan".*

*(al-Bukhari dan Muslim).*

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah hari ini, maka perkara-perkara berikut hendaklah diberi perhatian,

1. Umat Islam hendaklah menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan ini dengan penuh khusyuk dan mempunyai nilai ketakwaan yang tinggi kepada Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah tidak menjadikan Ramadhan sebagai bulan yang membazir dalam membeli juadah makanan untuk berbuka dan bersahur.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa ingat bahawa bulan Ramadhan ini merupakan bulan untuk meraih sebanyak-banyak pahala dan keampunan yang disediakan oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
\* يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا  
وَأَشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

*"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat Ibadat (atau mengerjakan sembahyang),*



dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau;  
Sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas".

(Surah al-A'raf; 31).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ  
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد  
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَ عَهْدِ  
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج في أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebijakan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*  
JAIS/Nurul  
07.06.2016